

Bongkar fakta tersembunyi

Oleh Mohd Nasif Badruddin

m纳斯if@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

■ Pakar saran sarjana tempatan buat kajian lanjut di serata dunia

luar negara.

"Negara kita agak ketinggalan dari segi sejarah dan geografi berbanding negara maju lain kerana ada beranggapan ia tidak penting, sedangkan ia tunjang jati diri kita untuk menyemai semangat patriotik dan sebab itu kita tengok golongan muda kini ramai tidak sedar kepentingan sejarah serta asal usul mereka," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Mengulas lanjut mengenai kesahihan kewujudan Laksamana Hang Tuah, Khoo berkata, masyarakat tidak boleh bergantung kepada hikayat semata-mata dan memerlukan bahan bukti yang boleh diuji bagi menentukan kebenarannya.

"Kita perlu ada bukti rekod sezaman yang boleh diterima bagi membuktikan kewujudan Laksamana Hang Tuah, jadi sarjana tempatan

perlu ke luar negara membuat kajian ini kerana manuskrip mengenai sejarah negara banyak tersimpan di serata dunia.

"Setakat yang saya tahu, bahan mengenai Laksamana Hang Tuah ada juga di New Delhi, India tetapi tidak ada sarjana tempatan pergi ke sana membuat kajian.

"Di China pula, ada disebut seorang laksamana Melayu pernah ke sana dan besar kemungkinan merujuk kepada Hang Tuah," katanya.

Beliau berkata, penyelidikan di dalam negara sahaja tidak mencukupi kerana ia bergantung kepada sumber lisan dan buku sejarah yang tidak lengkap seperti tiada tarikh berbanding manuskrip luar negara yang ditulis dengan teliti serta lengkap termasuk ada tersimpan rapi di perpustakaan utama dunia.

Baru-baru ini, dua penye-



LAPORAN Harian
Metro, 5 Disember lalu.

lidik Universiti Putra Malaysia (UPM) menemukan tiga sumber utama untuk membuktikan kewujudan pahlawan Melaka, Laksamana Hang Tuah sebagai satu sejarah dan bukan kisah dongeng.

Profesor Linguistik Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM Prof Emeritus Dr Hashim Musa dan Pensyarah Kanan Jabatan

Bahasa Melayu dari fakulti sama Dr Rohaidah Kamarruddin menemui satu dokumen dan satu artifak dite-

"Kita perlu ada rekod sezaman bagi bukti wujud Laksamana Hang Tuah"
Dr Khoo Kay Kim



rima daripada kerajaan Ryukyu (kini Okinawa) di Jepun serta satu dokumen dari Portugal.